

## **INTI raikan pertabalan Yang di-pertuan Agong**

**Utusan Online**

**23 April, 2012**

**MOHD. SAIFUL MOHD. SAHAK**

PARA pelajar dan kakitangan Kolej Antarabangsa INTI meraikan Istiadat Pertabalan Yang di-Pertuan Agong yang ke-14, Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah dengan menyanyikan Lagu Negaraku dan membacakan Rukun Negara di dalam majlis menaikkan bendera Jalur Gemilang di kampus induk INTI, Nilai, Negeri Sembilan baru-baru ini.

Sempena majlis itu, pameran mini bertajuk 'Raja Kita' turut di adakan oleh dan pelajar-pelajar berbilang bangsa untuk menimbul kesedaran tentang Majlis Pertabalan Yang Dipertuan Agong,

Timbalan Pro-Canselor Kolej Antarabangsa INTI, Bahagian Pelajar dan Alumni dan Pengerusi Jawatankuasa Penganjur, Dr. Sia Ah Hiok berkata, bagi tanda junjungan kasih, kami berkumpul sebagai satu komuniti melaksanakan majlis yang sederhana tetapi penting untuk menunjukkan taat setia kepada Yang di-pertuan Agong.

"Kami percaya bahawa penghormatan ini dibentuk dengan nilai nilai dan tradisi dan ini menjadikan rakyat Malaysia unik dengan sistem beraja demokrasi berperlembagaan. Di dalam kita menyambut Majlis Pertabalan Yang di-pertuan Agong, kita juga menyambut banyak nilai nilai dan tradisi di dalam INTI sejak penubuhannya 25 tahun lalu," katanya.

Hadir sama pada majlis itu, Pegawai Eksekutif Laureate Malaysia, Amit Sevak.

Pengalaman INTI selama 25 tahun dan reputasi yang cemerlang serta kerjasama antarabangsa yang disediakan oleh Universiti Antarabangsa Laureate memanfaatkan para pelajar.

INTI adalah sebahagian dari Laureate, Rangkaian Pendidikan Swasta di 29 negara dengan lebih 60 universiti yang diakreditasi dan 130 buah kampus, menyediakan perkhidmatan kepada 675,000 pelajar di seluruh dunia.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

[http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0423&pub=Utusan Malaysia&sec=Kampus&pg=ka\\_02.htm](http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0423&pub=Utusan_Malaysia&sec=Kampus&pg=ka_02.htm)